**ISIKAN TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG TEPAT.**

| | | |
|---|---|---|
| Ragam Sudi | Maju dan Undur | Ragam "L" |
| Pergerakan Setempat | Ragam "C" | |



## Kemahiran Asas Tarian Inang

Tarian inang ditarikan secara berpasangan antara penari lelaki dengan penari perempuan. Inang bermaksud pengasuh. Tarian inang menggambarkan kelembutan dan kesantunan seseorang wanita, iaitu pengasuh. Penari lelaki pula menggambarkan kesesasian pasangan dalam kehidupan sesebuah keluarga atau masyarakat. Pergerakan tarian inang boleh ditarikan secara sederhana dan pantas. Tempo bagi pergerakan sederhana ialah 2 x 4 langkah manakala tempo bagi pergerakan pantas ialah 4 x 4 langkah berdasarkan irama masri.

**1** ______________

1. Lakukan pergerakan setempat.
2. Kaki diangkat kiri dan kanan dalam kiraan 1 x 8.
3. Tangan melenggang.

**2** ______________

1. Lakukan pergerakan setempat sambil tangan melenggang.
2. Bergerak ke hadapan dalam kiraan 1 x 8.
3. Berundur semula dalam kiraan yang sama.

**3** ______________

1. Lakukan pergerakan setempat.
2. Mulakan dengan langkah kaki kanan dan tangan melenggang.
3. Melangkah ke hadapan membentuk huruf "C" dalam kiraan 1 x 4.
4. Berandur semula dalam kiraan yang sama.

**4** ______________

1. Lakukan pergerakan setempat.
2. Langkah ke hadapan dengan kaki kanan, membentuk huruf "C" – sudi.
3. Bergerak ke kanan atau ke kiri sambil membentuk huruf "C" – sudi.
4. Berandur semula dalam kiraan yang sama.

**5** ______________

1. Lakukan pergerakan setempat dalam kiraan 1 x 4.
2. Bergerak lurus ke hadapan dalam kiraan 1 x 4.
3. Bergerak ke kanan atau ke kiri dalam kiraan 1 x 4.
4. Berundur semula dalam kiraan yang sama.

Tempo – Ukuran waktu dalam muzik.